

20/07/2005

Umno-Rafidah

UCAPAN DASAR TUMPU PADA ISU LEBIH PENTING, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau langsung tidak menyentuh isu permit import (AP) semasa menyampaikan ucapan dasar pada persidangan Umno Wanita hari ini kerana berpendapat banyak isu lain yang lebih penting untuk dibincangkan perwakilan.

Menjawab soalan pemberita selepas berakhirnya perhimpunan pergerakan itu, Rafidah mengakui mahu pergerakan berkenaan memberi tumpuan kepada perkara yang lebih penting seperti Rancangan Malaysia Ke-9, peranan dan masa depan wanita.

"Ini bukan satu isu, kalau baca penjelasan saya, KSU (Ketua Setiausaha Kementerian) dan syarikat-syarikat itu sendiri, jelas bahawa tidak timbul isu. Tidak terlintas di kepala saya untuk membangkitkan perkara tersebut dalam ucapan, lebih-lebih lagi pada perhimpunan Agung Wanita Umno," katanya.

Isu itu juga tidak disentuh sepanjang sesi perbahasan.

Bila ditanya mengenai keadaan itu, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menyatakan rasa terharunya dengan sokongan yang ditunjukkan anggota pergerakan itu.

"Saya terharu kerana belum pernah berlaku secara serentak semua perwakilan (memberi sokongan penuh). (Ini kerana) mereka lebih mengenali ketua mereka daripada kebanyakan orang lain. Di luar pergerakan, saya tak tahu," katanya mengakui tidak menduga mendapat sokongan seumpama itu.

Ditanya mengenai cadangan beberapa perwakilan Pemuda dan Puteri supaya beliau meminta maaf kepada Tun Dr Mahathir Mohamad berikutan isu AP, Rafidah sekadar berkata perkara itu sudah selesai.

Rafidah turut meminta anggota Umno mematuhi nasihat Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pernah menyatakan sebelum ini bahawa isu AP berkenaan sudah selesai.

"Kita ikutlah nasihat presiden," katanya.

Menjawab soalan mengenai perlunya usaha menghapuskan politik wang yang ditimbulkan oleh beberapa perwakilan Wanita, Rafidah yang menyokong cadangan itu berkata isu politik wang tidak akan timbul sekiranya seseorang itu bersedia menerima kekalahan semasa pertandingan parti.

"Kalau kalah, kalahlah, anggap sebagai tiada rezeki... supaya kita rasa terhormat. Kalau menang dan (timbul) macam-macam tuduhan, kita pun tak seronok pegang jawatan, itu sahaja," katanya.

"Saya beri contoh diri saya, sebab itu saya berani bercakap, kalah... kalahlah, sebab orang tak nak kitakan, nak beli undi buat apa," tegasnya.

Rafidah pernah tewas kepada Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman ketika mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno pada pemilihan parti 1996, sebelum memenangi semula jawatan itu menewaskan penyandang dengan 12 undi.

Rafidah pertama kali dipilih sebagai Ketua Wanita Umno pada 1984.

-- BERNAMA

WNZ RAR LAT